



**JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH**  
 KOMPLEKS PENDIDIKAN, JLN. STADIUM  
 05604 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Tel : 04-7404000 / Faks : 04-7404342

**BORANG (LAW) B**

Rujukan Kami:

Tarikh:

**SURAT KEBENARAN MELANCONG  
 DI BAWAH  
 PERATURAN (PELANCONGAN) SEKOLAH-SEKOLAH 1957**

Kebenaran adalah diberi kepada \_\_\_\_\_ orang guru dan \_\_\_\_\_ orang murid.  
 Sekolah \_\_\_\_\_  
 Untuk melancong / melawat ke \_\_\_\_\_  
 Pada \_\_\_\_\_ hingga \_\_\_\_\_ mengikut jadual yang dikembarkan bersama ini sahaja.

*Sebarang pindaan atau tambahan daripada butir-butir yang tercatat di dalam jadual tidak dibenarkan. Segala syarat-syarat yang tercatat di dalam surat Pekeliling Kementerian Pendidikan KP.8592/L bertarikh 12.7.1966 hendaklah dipatuhi.*

(Salinan Surat Pekeliling berkaitan dikepilkan)

.....  
 ( )  
 Unit Perhubungan, Pendaftaran dan Pendidikan Swasta  
 b.p Pendaftar Sekolah-sekolah Negeri Kedah Darul Aman

- |     |                             |                 |                      |
|-----|-----------------------------|-----------------|----------------------|
| s.k | Pendaftar Sekolah-sekolah : |                 |                      |
|     | Perlis                      | Pahang          | Johor                |
|     | Pulau Pinang                | Kelantan        | Melaka               |
|     | Perak                       | Terengganu      | Sabah                |
|     | Selangor                    | Negeri Sembilan | Sarawak              |
|     | Wilayah Persekutuan         |                 |                      |
|     | Pegawai Pendidikan Daerah : | Baling/Sik      | Langkawi             |
|     |                             | Kuala Muda/ Yan | Kota Setar           |
|     |                             | Padang Terap    | Kulim/ Bandar Baharu |
|     |                             |                 | Pendang              |

**PERINGATAN: SURAT KEBENARAN INI HENDAKLAH DIBAWA BERSAMA OLEH KETUA ROMBONGAN**

## SALINAN

Ref: KP:8592/L

Kementerian Pelajaran Malaysia  
Kuala Lumpur  
12 Julai 1968

Ketua Pegawai Pelajaran  
Semua Negeri

Lawatan Yang Diuruskan Oleh Sekolah-sekolah

Adalah diakui bahawa lawatan-lawatan yang diuruskan oleh sekolah-sekolah merupakan satu bahagian penting di dalam kegiatan-kegiatan luar bilik darjah. Dalam lawatan seperti itu kerap kali didapati kemalangan-kemalangan yang mengakibatkan kecederaan atau kehilangan nyawa.

2. Saya adalah diarah meminta Pengetua/ Guru Besar sekolah mengambil tindakan untuk mencegah dari berlaku sesuatu kemalangan kepada murid-murid yang mengambil bahagian dalam lawatan-lawatan sekolah itu. Ketika menguruskan langkah-langkah seperti berikut diambil:

- a. Persetujuan bertulis daripada ibubapa/ penjaga murid hendaklah didapati sebelum lawatan itu.
- b. Peraturan keselamatan hendaklah dirumuskan dan diterangkan kepada murid dengan teliti sebelum lawatan dibuat.
- c. Misalnya jika melawat ke tepi laut, sungai atau kolam, murid tidak dibenarkan berenang melainkan jika mendapat kebenaran guru yang menjaga. Berenang tidak dibenarkan melainkan ada penyelamat nyawa yang berkelayakan. Sekurang-kurangnya mempunyai Pingat Gangsa 'The Royal Life Saving Society'.
- d. Sekurang-kurangnya seorang guru penjaga hendaklah bersama bukan sahaja untuk menjaga tata tertib bahkan untuk menentukan langkah keselamatan dituruti.
- e. Alat pertolongan cemas hendaklah sentiasa dibawa di dalam sebarang lawatan. Langkah-langkah lain yang difikirkan munasabah dan praktik dalam sesuatu langkah.

3. Perlu ditegaskan di sini bahawa langkah-langkah yang dicadangkan di atas itu adalah amat perlu selain daripada yang patut diadakan bagi mencegah kemalangan.

4. Patut disedari juga iaitu walaupun langkah-langkah yang keras diambil adakalanya kemalangan berlaku juga. Dalam hal ini yang demikian ibubapa atau penjaga yang berkenaan ada juga menimbulkan kesusahan, walau bagaimanapun, jika dapat dibuktikan bahawa sekolah dan guru yang menjaga lawatan itu telah melaksanakan semua langkah-langkah keselamatan untuk mengelak kemalangan maka tidak seorangpun boleh dituduh atas kemalangan itu.

5. Sukacita saya dapat kiranya tuan/puan memberitahu kandungan surat ini kepada semua Guru-Guru Besar sekolah.

Saya yang menurut perintah.

t.t

(SAW CHU THONG)

b.p. Setiausaha Tetap

Kementerian Pelajaran Malaysia